

28 AUG 1999
Sukan-lumba kereta (Proton)
KEIFLI REBUT PETAK PERTAMA

SEPANG, 28 Ogos (Bernama) -- Pelumba Genesis World Racing, Keifli Othman makin hampir mempertahankan kejuaraan apabila merebut petak pertama Perlumbaan Merdeka 300km Antarabangsa Proton di Litar F1 Sepang, esok.

Pada sesi kelayakan yang disertai 77 pemandu hari ini, Keifli mempamerkan skil menarik untuk mencipta pusingan terpantas 2:51.275s pada pusingan kedua perlumbaan setengah jam, sebelah pagi.

Pelumba berusia 26 tahun itu yang memandu Proton Putra 1.8cc bersama pasangannya Zureen Zulkifli akan memulakan perlumbaan edisi ketiga esok sebagai pemandu pilihan memenangi perlumbaan ini.

Bagaimanapun pada perlumbaan hari ini, Zureen hanya mampu mencatat 2:53.267s.

Tetapi, dibawah perturan perlumbaan sesi kelayakan, hanya masa terpantas yang dicatat seorang pelumba pasukan, dikira dalam menentukan petak perlumbaan untuk perlumbaan sebenar.

"Saya memulakan perlumbaan dengan baik hari ini dan keadaan kereta pun baik. Bagaimanapun ia mungkin tidak mudah esok, kerana terdapat ramai pelumba handal dan berpengalaman seperti Jimmy Low.

"Yang membimbangkan ialah rakan baru saya (Zureen). Dia tiada pengalaman antarabangsa dan ini sedikit membimbangkan saya" kata Keifli, yang tahun lepas berpasangan dengan Sharjihan Gouse .

Pemandu persendirian Nurmad Jusat, yang menjadi pasangan kepada Firhat Mokhzani mencatat masa kedua terpantas dengan 2:51.967s pada perlumbaan sesi tengahari, mendahului pemandu veteran Jimmy Low yang mencatat 2:51.999s.

Untuk perlumbaan esok, setiap kereta dimestikan dipandu oleh dua pemandu dalam perlumbaan 55 pusingan, sejauh 300km.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan perlumbaan ini.

-- BERNAMA

ERE zb